

75 negara dijangka hadir forum MOST MU

→ Program medan kongsi pengalaman bidang sains sosial

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 75 negara dijangka menghadiri Forum Pengurusan Transformasi Sosial Peringkat Menteri Asia Pasifik (MOST) yang pertama kali diadakan di Malaysia.

MOST adalah satu program di bawah Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) ber tujuan merancang, menyelaras serta melaksanakan program dan aktiviti UNESCO yang berkaitan dengan



bidang sains sosial, inklusiviti dan kesaksamaan gender.

Menyertai sidang media, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata pengajian MOST yang bertemakan 'Membangun Masyarakat Inklusif di Asia Pasifik' akan membincangkan tiga subtema iaitu Inovasi Sosial, Penuaan dan Wanita Konteks 2030 Agenda 2030 Pembangunan Lestari.

Pelbagai isu bakal dibincang

"Ramai pakar dan penyelidik sains sosial dari dalam dan luar negara akan hadir termasuk Perdana Menteri Tonga yang membentangkan pengalaman negara itu dalam pembangunan sosial.

"Isu penuaan antara pembentangan yang menarik memandangkan banyak negara berdepan perkara ini.

Penyelidikan kita dari universiti awam turut membentangkan isu ini," katanya pada sidang media, baru-baru ini.

Rohani berkata, pengajian kali ini sangat istimewa kerana Malaysia menjadi negara pertama dipilih sebagai tuan rumah. Sebelum ini MOST hanya diadakan di Paris.

Pemilihan Malaysia adalah berikut pelantikan beliau sebagai Presiden Majlis Antara Kerajaan-Program Pengurusan Transformasi Sosial (IGC-MOST) untuk tempoh 2015 hingga 2017.

Malaysia turut menjadi Ahli Lembaga Eksekutif UNESCO bagi 2015-2019 pada pemilihan yang berlangsung di Paris, November 2015.

MOST akan berlangsung di Hotel Sunway Putra, di sini, dari 20 hingga 23 Mac ini.



Rohani ketuai Majlis Antara Kerajaan-Program Pengurusan Transformasi Sosial 2015-2017.